PERLING BAHU PUTIH
White-shouldered Starling

FAMILI: Sturnidae
NAMA SAINTIFIK: *Sturnus sinensis*

CIRI-CIRI
Keseluruhan badan berwarna kelabu manakala bahagian sayapnya pula berwarna hitam (hijau gelap berkilat). Spesies ini mempunyai ekor yang berwarna hitam dengan terdapat garisan sempadan berwarna putih manakala bahagian atas sayap berwarna putih. Diperhatikan ia mempunyai bahagian tongkeng dan bahagian atas ekor berwarna putih cerah. Spesies ini mempunyai paruh yang berwarna kelabu kebiruan. Bagi burung betina, bahagian sayap hampir tidak berkilat dengan terdapat tompok kecil berwarna putih di bahagian tongkeng dan bahagian atas ekor.

SAIZ
Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 18.5-20.5 sm.

MAKANAN
Serangga, buah-buahan dan juga nektar.

HABITAT
Spesies ini boleh ditemui di kawasan terbuka, kawasan semak, kawasan perladangan dan juga persisiran pantai. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 400 m dari aras laut.

BUNYI
Spesies ini mengeluarkan bunyi ***preeep*** dan kadang-kala mengeluarkan bunyi ***kaar.***

PEMBIAKAN
Musim pembiakan bagi burung ini adalah dari bulan Mac-Jun pada setiap tahun. Sarang adalah berbentuk cawan yang tidak kemas dan dibina pada lubang di pokok atau celah-celah struktur binaan. Burung betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan warna telur adalah biru pudar. Anggaran saiz telur adalah 24-25.7 x 17.3-18 mm.